

UUM, PNU jalin kerjasama dalam pelbagai bidang

BH 11/3/2010

Oleh Samsudin Oli Mohamed
bhvarsiti@bharian.com.my

NAIB Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Tan Sri Dr Nordin Kardi mengetuai universiti itu seramai 80 orang kakitangan dan pelajar ke Princess Of Naradhiwas University (PNU) Thailand, baru-baru ini.

Lawatan selama dua hari itu bagi menjalinkan hubungan antara kedua-dua universiti dalam bidang akademik, kokurikulum, pertukaran kakitangan, pertukaran pelajar, kursus jangka pendek dan jangka panjang serta peluang melanjutkan pengajian di UUM.

Delegasi UUM yang mempunyai jadual ketat sepanjang lawatan itu bermula dengan sambutan oleh Presiden PNU, Prof Dr Chongrak Palasai dan beberapa pegawainya di kampus utama mereka di Narathiwat.

Pada sebelah petangnya perlawanan persahabatan bola sepak antara pelajar UUM dan PNU diadakan di Stadium Narathiwat yang turut disaksikan Gabenor Narathiwat Thailand, Thanon Wetchakornkanon.

UUM dan PNU mengadakan perbincangan dua hala mengenai peluang kerjasama dalam bidang pengajian, kursus jangka



PELAJAR UUM membuat persembahan ketika melawat Princess Of Naradhiwas University, Thailand, baru-baru ini.

pendek dan panjang serta pertukaran kakitangan dan pelajar antara dua universiti itu.

Rombongan UUM turut dibawa melawat ladang ternakan kambing, ternakan ikan dan beberapa tapak projek di kampus PNU. Turut menyertai delegasi berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid; Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa, Leftenan Kolonel Prof Dr Abdul

“ UUM dan PNU mengadakan perbincangan dua hala mengenai peluang kerjasama dalam bidang pengajian, kursus jangka pendek dan panjang serta pertukaran kakitangan dan pelajar antara dua universiti itu.

Razak Chik; Pengarah Pusat Pembangunan Eksekutif, Prof Madya Dr Hamzah Datuk Abd Rahman; Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi,

Prof Madya Dr Mohamad Foad Sakdan; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohd Zaini Nasri dan Pengarah Pusat Budaya dan Seni, Huzaidy Hussain.